

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
(JELEBU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL [JELEBU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. apakah Kementerian menyedari kewujudan “mata wang maya” yang dikenali sebagai BITCOIN yang mula dikenali sejak tahun 2007 dan semakin meluas menjelang 2009. Ia sedang berkembang dengan pesat sejajar dengan kemajuan Internet dan semakin diterima oleh banyak pihak di dunia. Bagaimanakah Kementerian atau Bank Negara melihat perkembangan ini; dan
- b. berdasarkan ciri BITCOIN yang dikatakan bebas daripada kawalan mana-mana pihak apakah ia akan menjejaskan kawalan kewangan dan sistem perbankan negara dan adakah sistem kewangan kita akan menerima BITCOIN sebagai sebahagian daripada kaedah dan medium

pembayaran dan perniagaan di masa akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Bank Negara Malaysia (BNM) sedar akan kewujudan Bitcoin dan berikutan itu, pada 3 Januari 2014 BNM telah mengeluarkan kenyataan amaran di laman web rasminya bahawa BNM tidak mengiktiraf Bitcoin sebagai mata wang yang sah dan mengingatkan orang ramai supaya berhati-hati dengan risiko yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital tersebut. Buat masa ini, penggunaan Bitcoin tidak meluas berbanding dengan instrumen pembayaran konvensional yang lain. Di Malaysia hanya 20 peniaga yang menerima Bitcoin sebagai instrumen pembayaran dan jumlah transaksi harian Bitcoin di seluruh dunia hanyalah sebanyak 69,000 urusan berbanding dengan 915 juta urusan pembayaran bukan tunai.

Setakat ini, Bitcoin tidak dikawalselia secara menyeluruh oleh mana-mana pihak berkuasa di dunia. Oleh itu, Bitcoin boleh disalahgunakan

untuk aktiviti pengubahan wang haram serta perdagangan pasaran gelap kerana ia boleh digunakan tanpa mendedahkan identiti pengguna. Di Malaysia, kegiatan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing, ML/TF*) termasuk yang melibatkan penggunaan Bitcoin adalah salah di sisi undang-undang sedia ada. Bitcoin juga terdedah kepada risiko kecurian siber yang boleh menyebabkan kerugian wang di kalangan pengguna.

b) Buat masa ini Bitcoin tidak menimbulkan sebarang risiko sistemik terhadap ekonomi negara. Memandangkan penerimaan Bitcoin yang terhad, ketidakstabilan harga yang ketara serta pendedahan kepada risiko kecurian siber dan penggodaman, penggunaan Bitcoin sebagai bentuk wang dijangka tidak akan meluas dalam tempoh terdekat. BNM akan terus memantau perkembangan dan menilai kesan mata wang digital ini terhadap ekonomi negara dari semasa ke semasa dan mengambil langkah bagi mengawal selia atau melarang penggunaan Bitcoin sekiranya perlu bagi memastikan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan di Malaysia.